



**SEMINAR ON ISO 50001 – ENERGY MANAGEMENT SYSTEMS  
REDUCE ENERGY USE AND GREEN HOUSE GAS (GHG) EMISSIONS**

**22 MAC 2010, HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM, SELANGOR**

***Pelanggan yang kami hormati,***

Komitmen YAB. Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak di dalam mengurangkan kadar pelepasan Karbon Dioksida sebanyak 40 % menjelang 2020 melalui ucapannya, di dalam mesyuarat *Conference of Parties (COP)* ke 15 di Copenhagen pada 7- 18 Disember 2009 yang lalu memberi impak yang tinggi kepada semua organisasi di Malaysia.

Semua organisasi boleh memainkan peranan di dalam merialisasikan komitmen ini, manakala Sistem Pengurusan Tenaga dilihat sebagai salah satu dari cara terbaik bagi memelihara alam sekitar.

Menyedari kepentingan mengurangkan pelepasan karbon Dioksida ini, pada tahun 2008, International Organization for Standardization (ISO), organisasi yang terlibat dengan pembangunan standard antarabangsa sedang dalam peringkat akhir membangunkan standard Sistem Pengurusan Tenaga. Standard yang selari dengan keperluan di dalam ISO 9001 dan 14001 ini, dikenali sebagai ISO 50001. Pematuhan kepada ISO 50001 ini penting bagi memastikan sistem pengurusan tenaga yang diamalkan oleh organisasi tuan memenuhi tahap standard antarabangsa.

Pada ketika ini banyak organisasi yang terlibat di dalam mempromosikan sistem pengurusan tenaga, namun sebagai peneraju di dalam memberi maklumat teknikal berkaitan dengan standard, SIRIM Berhad akan membawa pakar dari Eropah yang terlibat secara langsung di dalam pembangunan ISO 50001. Seminar yang hanya di buka kepada **250 peserta** ini, merupakan seminar pertama seumpamanya di Malaysia yang akan memberi maklumat secara eksklusif kepada semua peserta akan kepentingan pengurusan tenaga, implikasinya, serta bagaimana ianya dapat di integrasikan dengan sistem pengurusan yang sedia ada seperti ISO 9001 dan ISO 14001.

Disertakan brosur seminar yang juga boleh dimuat turun dari laman web, [http://www.sirim.my/std\\_dev/events/seminar.htm](http://www.sirim.my/std_dev/events/seminar.htm). Segeralah hubungi sekretariat seminar, Puan Siti Mariam Rahmat di talian 03-5544 6305/emel: [mariam@sirim.my](mailto:mariam@sirim.my) atau Cik Fauzan Mat Ishah di talian 03-55445115/email: [fauzan@sirim.my](mailto:fauzan@sirim.my) bagi menempah tempat ke seminar ini.

Bersama kita memenuhi tanggungjawab di dalam menguruskan penggunaan tenaga dan memelihara alam sekitar.

Yang ikhlas,

***ABDUL AZIZ LONG***

*Pengurus Besar Kanan  
Seksyen Pengurusan dan Penyelidikan Standard*